

01 AUG 1998

LEAD Singapura-Malaysia

PERKHIDMATAN KERETAPI BERJALAN LANCAR

SINGAPURA, 1 Ogos (Bernama) -- Keretapi pertama yang memasuki dan keluar dari Singapura hari ini dengan Imigresen Malaysia tetap beroperasi di Tanjong Pagar di sini meneruskan perjalanan tanpa sebarang kejadian yang tidak diingini.

Imigresen Malaysia di Tanjong Pagar memasukkan butiran pasport penumpang ke dalam komputer tetapi tidak dicop. Penumpang itu kemudian berhenti di Pusat Pemeriksaan Keretapi Woodlands (WCTP) bagi pemeriksaan Imigresen Singapura sebelum meneruskan perjalanan ke Malaysia.

Operasi kastam, imigresen dan kuarantin (CIQ) Singapura dipindahkan dari stesen keretapi Tanjong Pagar ke Woodlands mulai hari ini tetapi Malaysia enggan berpindah.

Imigresen dan Pendaftaran Singapura dalam satu kenyataan petang ini berkata, WCTP memulakan operasi pagi ini dan semua sistem berjalan lancar.

Penumpang keretapi yang memasuki Singapura dari Johor Baharu tidak terjejas kerana mereka mengikut prosedur kelulusan imigresen yang betul.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang tiba dari lawatan ke Afrika sejurus selepas kereta api pertama dari Malaysia tiba di Woodlands, berkata Malaysia tidak berhasrat untuk mempunyai persengketaan dengan Singapura dan menyeru negara itu menyelesaikan isu pusat pemeriksaan imigresen Malaysia di Tanjong Pagar yang sudah berlarutan itu.

"Inisiatif itu terletak pada mereka," kata Perdana Menteri kepada pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) setelah mendarat pada pukul 6.45 pagi.

Dr Mahathir berkata Malaysia tidak mahu mempunyai sebarang persengketaan dengan Singapura.

"Segalanya berjalan dengan baik apabila dengan tiba-tiba mereka memutuskan yang mereka tidak mahu orang kita berada di Singapura. Saya memerlukan sedikit masa lagi untuk memikirkan tentang apa yang perlu kita lakukan," kata Perdana Menteri yang telah diberitahu mengenai perkembangan terkini berkaitan isu itu di lapangan terbang itu.

Ketika menjawab satu pertanyaan, Dr Mahathir berkata beliau tidak tahu sama ada Singapura boleh memaksa Malaysia untuk memindahkan pusat pemeriksaannya ke Woodlands "tetapi memanglah apabila kita sedang menghadapi masalah dengan ekonomi kita, ini masalah yang tidak diingini.

"Saya tidak tahu kenapa mereka memilih masa ini untuk melakukan perkara ini. Mungkin bagi mereka ini satu strategi," kata Dr Mahathir.

Apabila ditanya sama ada beliau mempunyai keyakinan yang Malaysia dan Singapura akan dapat menyelesaikan pertelingkahan itu tanpa campur tangan pihak ketiga, Dr Mahathir berkata: "Kita harap kita dapat lakukan, kita akan cuba."

Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini berkata, beliau gembira kerana perkhidmatan kereta api antara Malaysia dan Singapura berjalan lancar dan perharap perkara itu dapat diselesaikan menerusi hubungan dua hala.

"Saya diberitahu yang usaha-usaha telah diambil supaya tiada masalah timbul berhubung perakuan pasport dan ini pasti menyumbang kepada perkhidmatan kereta api yang lancar hari ini," katanya. "Saya berharap perkhidmatan kereta api akan diteruskan tanpa sebarang gangguan dan kita lihat tiada masalah kerana persefahaman pada mereka yang mengendalikan kereta api dan mereka yang bertugas di kedua-dua pusat pemeriksaan imigresen itu".

"Ini perkhidmatan mesra dan popular bagi rakyat Malaysia dan Singapura dan saya percaya Malaysia mahupun Singapura tidak mahu melihat gangguan perkhidmatan itu," katanya.

Keretapi pertama yang memasuki Singapura dari Malaysia tiba dan berhenti di pemeriksaan Woodlands pada pukul 6.20 pagi sebelum meneruskan perjalanan ke Tanjong Pagar.

Penumpang keretapi yang memasuki Singapura dari Johor Baharu tidak terjejas kerana mereka mengikut prosedur kelulusan imigresen yang betul.

Ekspres Rakyat, keretapi pertama dari Tanjong Pagar ke Malaysia berlepas mengikut jadual pada pukul 8.15 pagi. Keretapi itu berhenti seperti biasa selama 20 minit di stesen Bukit Timah kerana menunggu keretapi dari Johor Baharu untuk lalu sebelum berhenti di Pemeriksaan Keretapi Woodlands bagi pemeriksaan Imigresen Singapura.

Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata jadual perjalanan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) dari Singapura mungkin dipinda kerana masa tambahan yang diperlukan bagi pemeriksaan kastam dan imigresen republik itu yang mulai hari ini dijalankan di WTCP.

Menurut laporan KTMB yang diterima beliau pagi ini, ia mengambil masa antara 15 dan 35 minit bagi penumpang-penumpang menjalani pemeriksaan imigresen dan kastam republik itu di WTCP bergantung kepada bilangan gerabak.

"Jika ia berterusan untuk beberapa hari akan datang, kita mungkin terpaksa menjadualkan semula perjalanan kereta api kita untuk mengambil kira masa tambahan ini," katanya.

Sebelum ini, kereta api tidak perlu berhenti di Woodlands kerana penumpang-penumpang diperiksa oleh pihak berkuasa Malaysia dan Singapura di Stesen Kereta Api Tanjong Pagar.

Beliau berkata, semua kakitangan atasan KTMB telah ditempatkan di WTCP untuk memantau keadaan dan kakitangan tambahan ditempatkan di pusat pemeriksaan itu untuk membantu penumpang dengan bagasi mereka apabila mereka turun untuk menjalani pemeriksaan kastam dan imigresen Singapura.

"Ada yang sudah berusia dan lemah jadi kita sedang menggerakkan kakitangan kita di sana dan juga memastikan kita mempunyai troli yang cukup untuk menolak barangan mereka semasa menjalani pemeriksaan," katanya.

Hampir 27 kereta api berulang alik antara kedua-dua negara membawa penumpang, kargo dan juga perkhidmatan khas bagi peminat golf. Perkhidmatan penumpang itu juga termasuk Eastern and Oriental Express yang terkenal.

--BERNAMA

TM RHM